

## **DUA PEGAWAI POLIS TERIMA PENGHARGAAN KERAJAAN PAHANG BANTU OPERASI PEKEBUN HARAM RAUB**

**KUANTAN, 04 OGOS 2021** : Dua pegawai polis menerima surat penghargaan daripada Kerajaan Negeri atas bantuan yang diberikan bagi membanteras pekebun haram di Raub baru-baru ini.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail menyampaikan surat penghargaan khidmat bakti berkenaan kepada kedua-dua pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub di Wisma Sri Pahang.

Menurut Inspektor Mohamad Azri Mohamad Aziz pengalaman menguruskan pekebun haram di Cameron Highland sebelum ini menjadi garis panduan beliau untuk bertindak ketika operasi di Batu Talam.

"Sebelum ini kami berdua pernah menghadapi situasi yang sama semasa operasi pemusnahan tanah hutan simpan Sungai Chalit, Cameron Highlands.

"Jadi bila situasi provokasi dan bantahan ini berlaku di Batu Talam, kami dah nampak cara untuk mengendalikan situasi ini dengan tenang dan selamat kepada semua pihak berdasarkan pengalaman di Sungai Chalit," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa bersyukur dengan penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Pahang hari ini walaupun tindakan yang dilakukan adalah demi tugas dan disifatkan kecil sahaja.

Beliau juga menasihati orang ramai supaya menghargai kawasan hutan simpan yang merupakan khazanah negara dan menjadi tempat tadahan air dengan mematuhi arahan yang dikeluarkan dan tidak mencerooboh kawasan ini sesuka hati.

Sementara itu, seorang lagi pegawai polis, Inspektor Mohd Hafiz Ahmad berkata beliau sangat menghargai tanda ingatan Kerajaan Pahang pada hari ini.

"Saya sangat menghargai penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri atas khidmat bakti saya yang kecil ini dan berharap pihak terlibat dan orang ramai menghormati tugas penjawat awam yang menjalankan tugas," katanya yang telah empat tahun bertugas di IPD Raub.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, YH. Dato' Sri Abd Jalil Hassan; dan Ketua Polis Pahang, YDH CP Datuk Ramli Mohamed Yoosuf.

Kerajaan Pahang dalam majlis yang sama turut menerima sumbangan bernilai RM40,000 daripada UMNO Bahagian Maran yang disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Pahang4Palestine. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#UKOMP**

**Oleh : Ain Nadhirah Basha**

**Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



